

# Kemajuan umat Islam jadi contoh

BH 18 AUG 1990

Oleh NORAINI ISMAIL dan  
ZAINI ZAINUDDIN

SEREMBAN, Jumaat — Kegiatan dakwah yang paling berkesan ialah kemampuan umat Islam mempamerkan kemajuan mereka bagi menarik perhatian bukan saja orang Islam, tetapi juga bukan Islam.

Dalam hal ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pendakwah tidak harus menghadkan kegiatan mereka kepada menentukan keislaman seseorang mengikut ukuran yang mereka tentukan sendiri dan membelakangkan hak orang bukan Islam.

Perdana Menteri berkata, umat Islam pada masa ini menghadapi tekanan daripada perbuatan sesetengah pendakwah yang menganggap ibadat mereka saja betul dan jika ada orang lain tidak menerima cara ibadat mereka itu, orang berkenaan akan dianggap sebagai tidak Islam.

"Jika umat Islam hanya asyik beribadat tanpa memberi keutamaan yang sama kepada tanggungjawab mencari rezeki dan ilmu, sudah tentu mereka tidak boleh menjadi umat yang maju, yang boleh mempengaruhi orang lain.

"Dengan kejayaan dalam pelbagai bidang ilmu, umat Islam sudah tentu dapat mempengaruhi orang lain kepada Islam. Jika kita terlalu miskin, agama kita sendiri tergugat dan bagaimanakah kita dapat menarik orang lain untuk memeluk Islam.

"Kejayaan umat Islam amat penting dan kejayaan itu bergantung kepada cara kita menga-

malkan Islam sebagai Ad-Din," katanya sewaktu berucap meletakkan batu asas Pusat Dakwah Islamiah di Paroi, kira-kira lima kilometer dari sini, hari ini. Turut hadir ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Haji Mohd Isa Abdul Samad.

Perdana Menteri berkata, kejayaan beberapa kegiatan yang berlandaskan Islam seperti Bank Islam di negara ini menjadi contoh kepada bank lain dan baru-baru ini syarikat Shell juga membuat pinjaman dengan Bank Islam.

"Kemajuan seperti itulah yang harus kita capai kerana Islam bukan agama untuk menjahannamkan sesiapa, tetapi untuk mewujudkan kebahagiaan dan kemakmuran," katanya.

Dalam pada itu, katanya, amat penting bagi orang Islam mengambil kira pandangan orang bukan Islam supaya mereka menghormati Islam dan seterusnya dapat 'membuka hati' mereka untuk mendalami agama itu.

"Malangnya, hari ini kegiatan dakwah terhad kepada mengislamkan orang yang sudah pun Islam dan tidak mempedulikan orang bukan Islam. Pendakwah juga cuba menentukan keislaman seseorang mengikut ukuran yang dicipta sendiri dan kalau kita bantah, mereka tuduh kita bukan Islam," katanya.

Beliau berkata, perbuatan seumpama itu boleh menjadikan masyarakat keliru dalam memilih ibadat yang betul, malah ada yang terpengaruh sehingga tidak dapat menumpukan perhatian kepada ibadat duniawi.